



# → KESELAMATAN

# Kadar jenayah makin berkurangan

BH  
21/12/2016  
MLS 5

## Kajian Tahunan PCI

### Diperkenalkan pada 2015

mengukur tahap ketakutan rakyat Malaysia



### Sasaran 2016

mengurangkan sehingga 10 peratus daripada 80 peratus > 72 peratus (10 peratus > dikurangkan sebanyak 8 peratus)



Pencapaian 2016 **61%**

Peratusan Pencapaian KPI **237.50%**

**61 peratus PCI konsisten dengan rasa takut keseluruhan terhadap jenayah**

Pencapaian 2016 **61%**

Sasaran 2016 **72%**

Garis Asas 2015 **80%**

→ Wujud prasangka terhadap pihak berkuasa walau indeks menurun

### Kuala Lumpur

Indeks jenayah seluruh negara dilaporkan menurun namun persepsi masyarakat terhadap kejayaan penurunan indeks itu tidak meningkat, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. Perdana Menteri berkata, kadar jenayah berkurangan antara 4.2 peratus hingga 12.6 peratus dari 2011 hingga tahun lalu, tetapi persepsi tidak meningkat kerana wujud prasangka terhadap pihak polis.

### Polis laksana tugas

“Ada antara kita tidak mahu mengaku hakikat pihak polis menjalankan tugas dan pada waktu yang sama ada sesetengah media tidak mahu mengakui hakikat dan pencapaian ini,” katanya ketika menjawab soalan Senator Chia Song Cheng di persidangan Dewan Negara, semalam.

Song Cheng ingin tahu statistik kadar kes jenayah seluruh negara dan usaha kementerian mengubah persepsi rakyat terhadap kadar jenayah.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata kejayaan penurunan itu hasil program penurunan kadar jenayah yang dilakukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan pelbagai pendekatan termasuk soal pencegahan, pambanteras dan pendakwaan.

“PDRM sentiasa berusaha untuk mengurangkan peratusan indeks jenayah ini dan komited untuk bekerjasama dengan seluruh agensi penguatkuasaan dalam menjayakannya,” katanya.

Kepada soalan tambahan Sena-

tor Datuk Megat Zulkarnain Wan Omarkin mengenai peranan media massa yang memaparkan berita negatif mengenai keselamatan negara, Ahmad Zahid berkata, berita negatif yang ditimbulkan itu tidak mustahil disertai dengan niat yang tidak baik.

### Akui kebenaran fakta

“Meskipun berbeza pendapat, sesuatu fakta itu hendaklah diakui kebenarannya. Saya melihat situasi ini seperti mempolitikkan sesuatu yang ditolak sebagai fakta.

Perkara sebegini perlu ditentukan oleh masyarakat sendiri untuk membuat penilaian yang objektif,” katanya.

Dalam perkembangan yang sama, Ahmad Zahid berkata, pelbagai langkah diambil dalam menangani kes jenayah termasuk memodenkan usaha pencegahan jenayah, menambah aset dan peralatan dengan meletakkan kamera litar tertutup yang berteknologi tinggi di kawasan berisiko selain kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan.

**BERNAMA**